

## **RASUAH II**

**Chedet.cc**

**5 July 2016**

**Tun Dr Mahathir Mohamad**

***Saya dan isteri saya mengucapkan Selamat Hari Raya, Maaf Zahir Batin kepada semua rakyat Malaysia, khususnya kepada pembaca blog ini***

1. Dalam Pilihanraya Kecil baru-baru ini ramai daripada pengundi gembira menerima duit, beras dan alatan elektrik.
2. Mereka tentu tahu mereka telah menerima suapan rasuah. Yang memberi pun tentu tahu mereka melakukan perbuatan yang salah di sisi undang-undang dan juga di sisi agama yang mereka anuti.
3. Kerana rasuah inilah, pihak yang menyogok mendapat kemenangan.
4. Kemenangan yang didapati dengan cara tidak halal bukanlah kemenangan yang sebenar. Seperti mana barangan yang dicuri tidak halal diguna atau dimakan, demikian juga kemenangan itu tidak halal.
5. Di dunia ini mereka tidak dapat dihukum kerana mereka sendiri yang berkuasa ke atas proses mendakwa dan menghukum. Tetapi perbuatan tidak mendakwa dan menghukum juga salah dari segi undang-undang duniawi serta agama. Ini juga melipatgandakan kesalahan dan dosa perlakuan mereka. Sogokan yang diberi dan diterima oleh penerima sudah dua kali haram.
6. Punca duit yang disogok juga haram kerana ia didapati dengan cara haram. Mereka yang menerima dengan ini menerima duit tiga kali haram.
7. Dalam Islam kita diberi hak bertaubat. Tetapi taubat kita hanya diterima Allah s.w.t. jika kita tidak mengulangi perbuatan salah yang telah kita lakukan. Mereka yang menunggu-nunggu untuk sogokan dimasa hadapan harus ingat pesanan dalam Al Quran berkenaan bertaubat.
8. Rasuah adalah suatu jenayah yang keji dan kotor. Ia merosakkan masyarakat, menindas yang miskin, menghalang kemajuan dan kesejahteraan, melemahkan dan mempermudah penjajahan oleh bangsa lain.
9. Mereka yang cuba menghalalkan rasuah tetap termasuk dalam golongan penjenayah yang berdosa. Lebih buruk lagi ialah mereka yang tahu akan larangan agama terhadap rasuah namun mereka cuba halalkan rasuah. Dosa mereka tentu berlipatganda jika kerana mereka dakwa bahawa rasuah itu halal maka orang lain akan menerima rasuah.
10. Amatlah menyedihkan apabila didapati yang teramai dari orang yang menyuap dan memakan rasuah ialah orang Islam. Sebabnya ialah kerana tidak ada tekanan oleh mereka yang bertanggungjawab mendidik akan haramnya rasuah dan pentingnya ia ditolak. Justeru itu ia tidak termasuk dalam nilai hidup yang dipegang sebagai sebahagian dari budaya orang Islam Malaysia sekurang-kurangnya.
11. Harapan masyarakat kepada undang-undang mencegah rasuah tidak mungkin berjaya sepenuhnya. Undang-undang melarang mencuri mungkin mengurangkan jenayah ini tetapi tidak

menghapus pencurian. Sudah tentu jika mereka yang dipertanggungjawab menguatkuasa undang-undang pencegahan rasuah, mereka sendiri mengamal rasuah, maka undang-undang tidak bermakna lagi. Lebih buruk lagi ialah apabila undang-undang mencegah rasuah diguna untuk tujuan lain, untuk politik umpamanya. Rasuah sejuta dikena tindakan, rasuah berbillion dihalalkan.

12. Sebenarnya penolakan rasuah sebagai satu budaya dan nilai hidup sahaja yang boleh mengurangkan perlakuan rasuah. Benar rasuah terdapat dimana-mana sahaja. Tetapi ia amat berkurangan jika budaya masyarakat atau bangsa itu memandang keji dan menolak rasuah.

13. Untuk ini orang atasan khususnya pemimpin hendaklah menunjuk teladan yang baik. Lebih-lebih lagi pemimpin perlu tentukan pendidik memberi tekanan dalam mendidik pelajar dari peringkat tadika sehingga ke sekolah.

14. Sesungguhnya negara ini sedang menuju kehancuran kerana rasuah diperguna secara meluas untuk menguasai segala-galanya.

## ENG VERSION CORRUPTION II

My wife and I wish Selamat Hari Raya, Maaf Zahir Batin to all Malaysians, especially to readers of this blog.

1. In the recent by-election many of the people of the electorate were happy to receive money, rice and electrical appliances.
2. They certainly know what they had received were bribes. The giver would also certainly know what they did was wrong in the eyes of the law and also in the eyes of religion they profess.
3. It was because of this corruption, the party that bribed was victorious.
4. Victory obtained by illegitimate means is by no means a real victory. Just as all stolen goods are illicit to use or consume, so is victory that is not legitimate.
5. In this world they cannot be punished for the power to prosecute and judge rests with them. But the acts of not prosecuting and punishing are also wrong in worldly laws and in religion. This multiplies the wrongs and sins of their act. Bribery given and received by the receiver are illegal twice over.
6. The money used for bribery is also illicit as they were acquired through illegal means. Those who received the money were actually receiving money illegally three times over.
7. In Islam we are given the right to repent. But we will only receive mercy from Allah s.w.t. if we do not repeat the wrongs we have done. Those waiting for a bribe in the future will have to bear in mind the decree of the Quran regarding repentance.
8. Corruption is a heinous and dirty crime. It destroys society, oppresses the poor, hinders progress and harmony, weakens and facilitates colonization by other nations.
9. Those who are trying to legitimize corruption remains as one of those criminals who have sinned. Even worse are those who know that religion prohibits corruption but nonetheless they try to

legitimize corruption. Their sins would certainly multiply if because of their claim that corruption is lawful others will accept bribes.

10. It is very sad indeed that most of the people who take bribes and receive bribes are Muslims. This is because there is no pressure by those responsible in educating the importance of prohibiting corruption and the importance of rejecting it. Therefore it is not included in the value of life held as part of the culture of Muslims in Malaysia, at least.

11. Hope of society on anti-corruption laws may not fully succeed. Laws prohibiting thefts may reduce but will not eliminate the crime of theft altogether. Certainly if those given the responsibility of enforcing the law against corruption are themselves corrupted, then the law itself is meaningless. Even worse is when laws to prevent corruption are used for other purposes, for instance politics. Corruption involving a million is liable for action, corruption involving billions legitimized.

12. In fact, it is only the rejection of corruption as a culture and a life value alone that can reduce corruption. True there is corruption everywhere. But it is very much reduced if the culture of society or the people despises and rejects corruption.

13. For this, people at the top, especially senior leaders, should show good examples. More so leader need to assure that educators give emphasize in educating students from kindergarten to schools.

14. Indeed, the country is heading towards destruction as corruption is widely used to control everything.

108 thoughts on "RASUAH II"



1. [Log in to Reply](#) **HouseWife** Jul 12, 2016 12:42 PM

Assalamualaikum Tun,

Excuse me Tun, a moment please.

This is what I was afraid of...wrong impression! (May 23, 2016 1.58am-The Citizen vs Najib). As was said a couple of times before, I'm merely here for the sole purpose of my love and respect to Tun. I'm simply an old hag with the gelaran 'Housewife', no title 'Dr'. I only want to express my thoughts and opinions from this little brain of mine to Tun whom I believe does take time to 'listen' too. If somebody does read and give a response, whether objectively or positively, that's his/her right to do so. I'll try to accept with an open heart and mind. But I'm really a nobody so don't bother too much.

Whatever differences we may have, in thoughts, opinions, beliefs, I hope there will be no lack or absence of respect and love, without them it will cause people hurting each others' feelings. How do we set things right? Where do we begin? Maybe starting with forgiveness? Love begins with saying you're sorry? What kind of people do we want to be surrounded by? Human nature can be very complex, dramatic and romantic. Hope we are not surrounded by people who lack human nature and characters.

Thank you Tun for this little moment of space. May Allah Bless you Always.

2.  [Log in to Reply](#) **Ingat Akhirat** Jul 12, 2016 11:57 AM

Selamat Hari Raya Aidil Fitri Tun & Family, Maaf Zahir Batin  
Assalamualaikum and Salam sejahtera semua,

Ada sekor Anjing yg suka "menyalak" disini, namanya omputih campog melayu.  
Apa2 yg Tun tulis dalam blog ini, mostly dia akan kritik dan "menyalak"..

If we look at the long list of international invitation for seminar/gathering/conference of Tun M we have no choice but to respect Tun M among all the Malaysian PMs.

Karl, apa yang you ada? put it here for me to respect your writings...

Thank You Tun

3.  [Log in to Reply](#) **furqan** Jul 12, 2016 11:42 AM

Selamat Hari Raya Tun. Maaf Zahir Batin. Semuga sihat sentiasa. Apa yang sedang terjadi dalam negara kita sungguh malang sekali. Apabila pemimpin adalah dikalangan org2 yg hanya mementingkan diri mereka sendiri, maka yang akan menjadi korban dan dijual ialah negara dan rakyat. Tiada apa syarahan dan fakta etika yang mereka mahu dengar sebab ianya tidak seiring dengan nafsu kehendak mereka untuk kepentingan diri sendiri, biarpun harta negara dijadikan hakmilik persendirian sesuka hati dan rakyat dianiayai. Satu perkara yang patut disebut tentang aktiviti pengubahan wang haram, ialah negara luar termasuk Singapura adalah terikat dengan perjanjian AML.

Rakyat Malaysia boleh menyaman di mahkamah antarabangsa, ke atas negara negara [termasuk Singapura] yang tidak mengambil tindakan undang undang yang sepatutnya/meguatkuasakan undang undang ke atas aktiviti dan penjenayah yang melakukan pengubahan wang haram yang menyebabkan harta negara disalahgunakan. Keengganan negara tersebut menguatkuasakan undang undang berkaitan merupakan satu tindakan subahat kepada aktiviti jenayah dan boleh disabit kesalahan.

4.  [Log in to Reply](#) **zulu** Jul 12, 2016 10:50 AM


600 left UMNO in semporna in support of Safie Abdal, but those newspapers that supports pirate of Malaysia didn't publish this news.

5.  [Log in to Reply](#) **Karl @ www.karl-iskandar.ml** Jul 12, 2016 10:11 AM

HBT, point #172

Except the Paki PA. Audio and video recordings of the other two plus Anwar sexual orientation and his abuse of power @rasuah in political extortion well documented.

That brings to another window of rasuah, that many here are apologetic and unwilling to open, lest it leads them down the path well trodden by Dr Mahathir. They say it is history.

6.  [Log in to Reply Hajar](#) Jul 12, 2016 9:07 AM

Salam YAB dan Yang Amat DiKasihi Tun,

Izinkan saya Tun:

SELAMAT HARI LAHIR YANG KE-90 TUN DR. SITI HASMAH MOHAMAD ALI!

Semoga Tun Hasmah dipanjangkan usia dalam keberkatan dalam apa jua yang dilakukan dan sentiasa sihat sejahtera di samping keluarga.

—

Wang rasuah / Wang yang disalahguna (guna wang rakyat untuk membayar 'Pemfitnah', bukan untuk pembangunan negara/rakyat): Haram.

Memfitnah (tanpa bukti kukuh; tiada apa2 dokumen /bukti transaksi): Haram.


'Ganjaran / Suapan" untuk kerja2 memfitnah Tun M: Haram.

Wah! Tiga kali 'haram' dan 'bu\*\* kissers' PM Najib @ Ah Jib Gor masih lagi tidak mahu insaf malahan tuduhan2 dan fitnah mereka (terutama si Dung\* yang mengaku bersopan-santun) sudah semakin merapu-meraban; buat tuduhan2 melulu tanpa bukti; setakat tuduhan melulu saja.

Rasuah RM2,600 JUTA dan RM42 JUTA yang jelas terpampang depan mata buat2 tidak nampak. Alahai! Kata2 dan tuduhan2 melulu Soros yang dipercayai oleh si Dung\*! Mana bukti?

Terima kasih Tun.

\*\*\* Semoga Allah S.W.T. sentiasa melindungi Tun sekeluarga \*\*\*

7.  [Log in to Reply ghazali](#) Jul 12, 2016 7:54 AM

Salam Eid-Mubarak & Happy birthday Tun. Teruskan perjuangan murni.

8.  [Log in to Reply HBT456](#) Jul 12, 2016 7:50 AM

177. Siapakah mereka yang berani mencabarkan kesultanan malaya?

178. To the perjuang agama dan bangsa, we are only pendatang even history fact shown we are here dated 2000 years.

179. No matter how you play with dr, kita wajib mengundi setiap 5 tahun.



9. [Log in to Reply](#) **HBT456** [Jul 12, 2016 6:55 AM](#)

173. Its really up to the political coalition to play their part to sit in putrajaya.

174. You dont need to worry about that sibotak because when putrajaya is allowed to be built with the consent of all bn coalitions, it means they have already endorsed only moslem can be the pm.

175. I am not a moslem, therefore, whoever become pm wont affect me.

176. Vote or no vote, melayu dan bumiputra tetap akan rebut menjadi pm, with or without chinese votes.



10. [Log in to Reply](#) **HBT456** [Jul 12, 2016 6:38 AM](#)

163. Bangla ke atau myanmar, all lives matter.

164. Jika mahu minum susu, tak semestinya anda kena bela lembu.

165. Mahu sayur-sayuran yang segar dan organik, anda boleh buat vertical farming.

166. When ying luck and her party found guilty of abusing power in utilizing taxpayer monies to buy over beras from the farmers, she stepped down, you see junta suruh police tangkap beliau?

167. After arab spring erupted in eygpt that sent both the ruling and oposition leaders to jail by the court, indonesia pun sedar diri bahawa sentimen rakyat tidak boleh dipermain2kan seolah2 untuk mendapat undi seperti di era suhartoe.

168. Its really up dap to convince to penangites to decide to exit or leave the federal coaltion via state election, or general election.

169. If umno think mediocrity is the best way to move their party forward, kdn umno can increase the moslem population without debate in the federal parliament since they have been doing it for decades.

170. By the end of the day, the power struggling will be narrowed down to malay and bumiputra saja.

171. Even japan rubbish collection centre is run by engineers base on merit, not base on religion or race.

172. You believe dsai sodomize his malay driver, his pakistani pa and his indonesia friend, karl?



11. [Log in to Reply](#) **sibotak** [Jul 12, 2016 5:25 AM](#)

Si PakLah pulak asik nak main Belon  
Tak bolih kah kita bersatu ,duduk sepakat  
Emosi kena letak tepi , Kelkhlasan teraju kita  
Ni semuanya saya tengok asik nak tekan minyak je  
Kan harga minyak mahal ,subsidi pun dah kena tarik sebab Kerajaan banyak hutang

Fed up lah I , kalau Malaysia asik cerita ni je  
Susah susah kita amik Bangla saje memerintah Malaysia  
Bangla pandai dan rajin  
Can make many many money



12. [Log in to Reply](#) **sibotak** Jul 12, 2016 5:03 AM

Eh....Apa dah jadilah Pendekar Melayu  
Dari zaman dulu sampai sekarang ?

Banyak makan Jeruk Petai agaknya

Dulu , Tuah , Jebat , Lekir , Lekui dan apa lagi nama aku tak tahu  
Berkawan Baik , bermain Silat bersama  
Tiba tiba Jebat Derhaka bertikam pula dengan si Tuah

Dah bagus bagus  
Tun , Musa Hitam , Anwar Ibrahim bertiga sudah segak dan megah menerajui Malaysia  
Tiba tiba Musa Hitam sakit peurt , cirit birit pula  
Dah bagus bagus si Jebat Derhaka si Nuar Abraham bertikam pula dengan Tun

Sekarang ni hero Bugis pula  
Entah dah mabuk nak jadi Mat Salleh berlagak lebih dari buat  
Entah apa dia buat hutang keliling pingggang , berlagak kaya duit orang pula tu  
Nak ke Bulan pula tu , berangan.....ais !  
Silat langkah macam ketam  
Nak tujuk kita jalan lurus, kononnya....pooooodah !

Eh apa punya nasib lah Malaysia  
Tak betul betul ,Malaysia jadi macam Singapura  
Perlahan lahan orang asing akan menakluki Malaysia secara senyap  
KESULTANAN MELAYU AKAN HAPUS  
Dan saya si botak akan jaid jejaka melayu terakhir , specis melayu yg anggun

Sudah kelihatan bro , dah banyak tanah Bumi kita tergadai  
Tanah Kerajaan lelong buy 1 get 3

Dia sama dia asik ank bertikam di atas serambi  
Dang Anom asik nak berkemas saja  
Ni Jebat , Anuar Abraham kalau dah Keluar  
Pasti Jebat mengamuk

Share 1MDB beliau dah habis  
Taming Sari ada pula pada budak gemuk si Jeep tu  
Entah tahu pakai ke tidak Taming Sari budak Jeep tu  
Agaknya dia nampak Dang Rosemary , Taming Sari dia terus cair  
Kelihatan macam Limousine , macam Jaguar atau Mercedes  
Rupanya Proton Saga , Kedua dua tayar pun dah Lembik  
Si Rosemary pula asik nak cekik buah nangka saja , mengidam agaknya

Apa Pemimpin Melayu sememangnya semua emosi ke ?  
Macam Jiwa jiwa , I fed up lah !  
Taklih ke Kita Bersatu

Hold Fast the Rope of Allah  
Be not divided among Ummah

Kita tewaskan si Yahud bin Yahoo yg sedang bermaha rajalela sekarang !

13.  [Log in to Reply Karl @ www.karl-iskandar.ml](#) Jul 11, 2016 11:23 PM

Aslm.

Cerita pasal Rasuah lagi. Otai punya opinion.

George Soros pernah tulis surat yg disiarkan oleh Bangkok Post pada tahun 2012, di mana beliau menuduh Dr Mahathir sebagai pengamal tegar Rasuah » <http://karl-iskandar.ml/the-corruption-of-mahathir/>

Soros ni seorang yang diyakini dalam dunia bisnes, dan sorotan beliau terhadap Dr Mahathir adalah satu celaan yang menguatkan lagi persepsi bahawa Rasuah bermula di era Dr Mahathir.

Heran juga, kenapa Soros tak kata PM sekarang kaki rasuah.

14.  [Log in to Reply Sri Sense](#) Jul 11, 2016 10:12 PM

Salam Tun



I dah lama tak kongsi berita sini, hari ini sebelum tido I kongsi apa yang I baca

### **Najib offers settlement in his suit against Harakah duo**

KUALA LUMPUR: Datuk Seri Najib Tun Razak has submitted a proposal to settle his libel suit against two top officials of PAS' news organ Harakah.

His lead counsel Mohd Hafarizam Harun said they are waiting for Harakahdaily's response to the proposal.

Read More

<http://www.thestar.com.my/news/nation/2016/07/11/najib-offers-settlement-in-his-suit-against-harakah-duo/>

### **Government lawmaker tells Irish PM to step down by September**

DUBLIN (Reuters) – Irish Prime Minister Enda Kenny resisted a call on Monday from a lawmaker of his Fine Gael party to step down over the next two months, rejecting the first open challenge to make good on a promise to allow a change of leadership.

Kenny returned to office in May as head of a minority government that is due to run until the end of 2018.

Read More

<http://www.thestar.com.my/news/world/2016/07/11/government-lawmaker-tells-irish-pm-to-step-down-by-september/>

### **Rahman Dahlan shocked by DAP's snap polls proposal**

PETALING JAYA: Datuk Abdul Rahman Dahlan (pic) has expressed shock at Penang DAP leaders mulling the possibility of holding snap state polls to gauge public support for Chief Minister Lim Guan Eng, who was charged with corruption.

"Doing it now is yet another cheap political stunt from them. Just like the donation campaign and the political persecution claim," the Minister in the Prime Minister's Department said on Twitter on Monday.

Read More

<http://www.thestar.com.my/news/nation/2016/07/11/dap-snap-polls-rahman-dahlan/>

Goodnight!



15. [Log in to Reply Hajar](#) Jul 11, 2016 9:46 PM

Salam YAB dan Yang Amat DiKasihi Tun,

1. Pada saya, jangan pula ada pihak/individu2 yang mempolitikkan isu pendakwaan rasuah Mr. Lim Guan Eng. Pelik dan amat menjelikkan bila pendakwaan dibuat ke atas pemimpin2 Pembangkang, semuanya dikatakan 'pendakwaan berunsur politik'. Jadi apa pula jenis pendakwaan ke atas bekas2 pemimpin Kerajaan yang telah lalu (telah dihukum)?

2. Sama juga dengan pendakwaan2 (didapati bersalah) ke atas Anwar Ibrahim. Memang dangkal dan agak tidak waras pemikiran mereka yang percaya bahawa Anwar ialah 'tahanan politik'. Ada pula yang mati2 ingat Anwar tidak bersalah. Lagi bertambah 'pelik' bila ada antara mereka sekarang menjadi penyokong (peminat) kuat Tun Mahathir... Alahai! Maksudnya mereka secara tidak sedar (minda

separa sedar) 'percaya' bahawa Tun telah bertindak berdasarkan FAKTA (di pihak benar), dan ia bukan fitnah atau kezaliman seperti yang dilaung-laungkan.


3. Adakah jika pihak Pembangkang melakukan rasuah (atau kesalahan2 lain), mereka tidak boleh didakwa kerana takut dituduh melakukan 'pendakwaan politik'?

4. Jadi apa perlu dibuat kepada pemimpin2 Pembangkang yang disyaki ada kesalahan RASUAH? Adakah perlu dilepaskan saja, atau diberi kekebalan? Ataupun acah2 buat pendakwaan (tapi boleh terlepas dengan mudah)? (Saya sengaja tanya 'soalan2 bodoh' ini.)

P/S: Agak memualkan bila ada pengkomen yang rasa 'gelaran /title Dr.' boleh diguna sewenang-wenangnya (lainlah jika ianya komunikasi 'private'; bukan untuk bacaan/ tatapan umum). Nampak 'immature/ childish'. Yang buat saya rasa 'segan' untuk tegur beliau ialah kerana orang ini juga yang kata cuma mereka yang ada 'Doctorate/Doctoral Degree – Ph.D.' (lebih-kurang maksud) saja yang wajar dipanggil 'Dr.'. Aduhai...segan rasanya bila berada dalam situasi seperti ini...Realitinya, ada orang sanggup beri SUAPAN (atau menipu) semata-mata untuk dapat gelaran 'DR.'.

Terima kasih Tun.

\*\*\* Semoga Allah S.W.T. sentiasa melindungi Tun sekeluarga \*\*\*

16.  [Log in to Reply](#) **sibotak** Jul 11, 2016 9:11 PM

Penghasut Luar

Tak perlu sepak 1 Malaysia

Tangkap 1 atau 2 kepala yg berjawatan dah cukup

Tempeilingkan mereka 10 ,20 Million pun masih murah  
untuk dapat apa yf mereka inginkan

17.  [Log in to Reply](#) **Kamarulaznan** Jul 11, 2016 4:27 PM

Assalamualaikum

Jika seseorang berkuasa eksekutif dalam pentadbiran negara dan tindak tanduknya dipengaruhi oleh sejumlah wang yang ditaja oleh mana-mana pihak luar walaupun mungkin untuk mengawal pengaruh IS di dalam negara, pada saya itu pun tidak boleh.

Malaysia telah 'dibeli'. Betul?

18.  [Log in to Reply](#) **Sri Sense** Jul 11, 2016 4:12 PM

Salam Tun

I cuma nak komen pasal business.

Kalau kita ada product tapi tiada cable also tak jalan, so at times businessmen kena guna cable orang tengah sebab tiada direct cable. Tapi kalau dua2 pun tiada, so business opportunity pun jadi kurang or tiada langsung. Unless your product very unique, hanya itulah satu2nya dalam Malaysia, peluang tu adalah sebelum ada yang lain buat.

Itu sebab crisis management dalam business harus bermula sebelum ada change in leadership. Usually new leader dah ada orang2 mereka sendiri. Kalau kita tengok zaman Pak Lah kita ada Patrick Badawi, sekarang mana ada lagi. SCOMI dulu masa zaman Pak Lah harga saham tinggi, bila Pak Lah turun harga dah jadi berapa sen sahaja sekarang.

Zaman Najib bila anak Najib masuk beli saham satu syarikat, ramai orang ikut, tapi pasal dah 2 3 kali kena tipu, orang dah tak berani nak sentuh kaunter tersebut, now kaunter yang pernah anak Najib terlibat dah jadi macam sampah harga sesaham pun malu nak cakap. Anak Najib masuk sampai harga saham tinggi lepas tu dia lari tinggal orang sampai terduduk. Kalau tanya orang yang duduk dalam saham world mereka kenal sangat la dengan perangai pelabur fesyen ini.



Aktiviti anak Najib ini walau ada iras sedikit 1MDB tapi dia bukan dari 1MDB.

19.  [Log in to Reply Karl @ www.karl-iskandar.ml](#) Jul 11,2016 3:50 PM

Aslm.

Sembang topik Rasuah dengan otai memang seronok. Mereka akui bahawa masalah Rasuah adalah warisan dari era Dr Mahathir, yang banyak terlanjur dalam pemberian bisnes segera kepada kelompok Kroni beliau.

Terlintas juga di fikiran untuk menulis sebuah buku, diberi judul "Kronilogi Dr Mahathir" sebagai rujukan bagi generasi muda untuk memahami isu rasuah yang sebenar.

20.  [Log in to Reply Leslie](#) Jul 11,2016 2:43 PM

Happy Belated Birthday Sir. I wish you many many more years of birthdays to come. My sincere regards to your family and to your ever loving wife. You will always be our Hero and in times such as these, your importance to us all is even more profound than ever. For me personally, you are the epitome of a great leader, statesman and the guiding light to us all. It is no use denying your many many contributions to our nation. It is immense to say the least and our nation owes you a huge debt. Although the few in power have forgotten, the many ordinary Rakyat remembers. It is however unfortunate that the man you chose is now leading our beloved country down the path to a pariah state. I know you have regretted this decision. We all now have to live with this. Please do not despair, there is hope as our faith and trust in you is still not shaken. we are still here with you. I pray that you continue to right this wrong and save our beloved country.

May Almighty God Bless you always.

21.  [Log in to Reply HouseWife](#) Jul 11, 2016 2:24 PM

Assalamualaikum Tun,

Tun ada di Phuket?...huhu...nak ikut, tak pernah pi sana, takpe la Tun dan isteri nak pi rehat juga kan, boleh honeymoon sekali. Have a joyful birthday there, Tun. And pray that you come back safe and sound.

Tun, a piece of news for you on why your efforts to criminalize war should go on and never put to a stop. This what ex dpm of Britain said:

"In 2004, the UN sec-gen Kofi Annan said that the regime change was the prime aim of the Iraq war, it was illegal. With great sadness and anger, I now believe him to be right. I will live with the decision to go to war and its catastrophic consequences for the rest of my life".

It took a seven-year inquiry to conclude that Britain broke international law when invaded Iraq in 2003. The AG at that time announced it was legal, without providing any documentation, designed to endorse action to go to war (his action seems similar with our Ag here?).

Mr Blair and Mr Bush should face criminal action that led to the deaths of more than 150,000 Iraq civilians over six years. What about the lives of the thousands and millions of innocent Palestinians? Shouldn't the oppressor, the Zionist Israelis, face criminal action too?

Isn't it too late now to apologize for the wars? Even Mr Obama went to Japan recently, face the Japanese but he did not apologize to the Japanese people over America's inhumane atomic bombings that crippled most of the innocent civilians, young and old, men, women, children and babies! But the superior powerful nations will never learn from past histories.

Tun, since si keruak, kdn, igp and others sewaktu dengannya are slacking on their jobs, any pingat cemerlang should put on hold until all these issues are solved, excluding of course the kerani, opis boy, dreba, typists...these people are innocent, without them ofis cannot function la.

It's incredible and unbelievable that with all the assets (eg the famous submarines...function ka?) and the Big Money RM2.6billion supposed to be used to get rid of IS etc etc, but still our Malaysians borders and our safety are hijacked by these subversive elements. APMM pun komplek pasal kekangan aset. Mana pi duit budget untuk keselamatan negara? Pi perabeh ke mana? Takkan potong budget ni untuk entertainment kot. Kenapa rakyat biasa be treated like second class citizens? The citizens' lives and safety should be the main and first priority of any pemimpin unless of course the leaders, chosen by the people for the people, are so scared for their own precious lives that all rakyat biasa kena raba sini raba sana. Inikah pemimpin2 kita? Sungguh memalukan!

Tun, ada sorang tu suka ungit zaman Tun dulu2. Agaknya dia peminat cerita2 oldies zaman Alfred Hitchcock kot atau zaman cowboy, tengok wayang pacak dengan rakan2 minda bawah sedar sambil hirup kopi O dengan sesudu dua 'dedak'...sesudu equivalent to maybe 2 million ringgit?


Zaman Tun zaman PM dulu2 dah habis cerita. Sekarang zaman millennium zaman DSN. What out for our current pm. Tun's friends, whom they came and asked for Tun's help, has now distanced themselves from Tun. They left Tun alone because they are afraid they might lose their businesses if they continue their friendships or get too close to Tun. So Tun's friends are now DSN's friends, right.

Where is LKW? Look how he purposely hurt Tun. So please, just concentrate on the happenings now, on DSN and his wrongdoings that has hurt and injured this country, locally and globally.

Tun, you must take a rest and enjoy your birthday. It's ok to be a little selfish for a few days and not think about anything else but you and your family.

May Allah Bless you Tun always. And May Allah Protect you wherever you are.

Thank You Tun.



22. [Log in to Reply umranrc Jul 11, 2016 1:11 PM](#)

Salam dan Selamat Hari Lahir Tun,

Saya tidak mahu mengulas panjang tentang artikel Rasuah II ini kerana ianya sudah cukup jelas. Tetapi ingin juga saya berikan pencerahan kepada mereka-mereka yang gagal memahami aspirasi Negara.

Mengimbangi kegiatan ekonomi sesebuah Negara Maju perlu kepada pekerjaan yang stabil dan pendapatan yang mencukupi. Ada diantara mereka disini yang tidak bijak tetapi sombong dan tidak boleh diajar dimana fakta yang diatas ini gagal difahami dengan baik.

Jangankan Tun Dr. Mahathir, saya sendiri atau sesiapa sahaja yang berfikiran waras akan terus menerus mencari jalan untuk menyambung kegiatan perniagaan sesebuah korporat yang besar seperti YTL. Soalannya kenapa? Secara terusnya YTL memberikan peluang pekerjaan melebihi 5600 orang rakyat tempatan, bagaimana pula dengan vendor-vendor yang bernaung dibawah YTL? Disinilah kita perlu kepada kefahaman ekonomi yang kukuh sebelum berani menemplak tindakan orang-orang yang terdahulu dari kita.

Begitu juga Proton, Malaysia Airlines, Petronas, BBMB dan pelbagai lagi badan-badan perniagaan yang besar samada bertalian dengan kerajaan mahupun tidak, perlu dibantu semasa diperlukan. Ini menjamin perkerjaan serta pendapatan rakyat dimana para peniaga kecil juga boleh terus menjana pendapatan. Sekiranya begitu, kenapa 1MDB tidak diselamatkan? Kerana 1MDB punyai seramai 33 orang pekerja sahaja; dimana, mereka-mereka ini dengan mudah boleh diserapkan kedalam mana-mana korporat lain. Disinilah kita dapat melihat 'kebaikan ramai melebihi kebaikan yang sedikit'.

Dalam pada itu Tun, ingin juga saya menyatakan sesuatu tentang 'gelak' ini. Apabila kita menonton pelawak membuat sketsa, adakalanya kita boleh tergelak, imbuhan 'ter' yang diguna pakai menandakan gelak yang tidak disengajakan, yakni memang perkara lucu telah pun berlaku. Tetapi ketawa yang dibawa oleh budak yang tidak cukup akal disini rasanya lebih kepada gelak yang dibuat-buat semata-mata untuk menutup rasa bersalah kerana terlalu banyak memakan pendapatan yang bukan hakiki.

Rasanya memang betullah seperti Saudara Faradina gelarkan, sememangnya haiwan ini memang jenis yang bodoh tak reti diajar tetapi mengeluarkan bunyi yang menjelikkan.

Salam Dr. Housewife,

Yup, rasanya saya pernah berbincang soal yang sama dahulu serta memberikan link dimana Tun sendiri pernah berbicara bahawa UMNO kini secara amnya terdiri dari mereka-mereka yang kurang bijak. Ini berlaku kerana mereka-mereka yang berpengajian tinggi tidak diberi laluan kerana ketua

semasa akan rasa tercabar dengan hadirnya golongan ini. Lama-kelamaan, inilah keadaan yang kita hadapi.

Terima Kasih Tun.



23. [Log in to Reply PutraKraken](#) Jul 11, 2016 12:06 PM

Asalamualaikum Yang dikasihi Tun Dr. Mahathir dan keluarga

Selamat Hari raya Aidil Fitri dan Selamat Menyambut Hari Lahir ke91.

Ya Allah lindungi dan kurniakan hidayahMu kepada Pemimpin kami ini.

Kurniakanlah beliau dengan kekuatan dan kesihatan agar beliau dapat meneruskan perjuangan demi Agama, Bangsa dan Tanahair.

Restuilah perjuangan beliau demi kebenaran dan menyingkirkan pemimpin yang telah mengkhianati kami rakyat Malaysia.

Yang dikasihi Tun

Kami rakyat Malaysia tetap bersamamu

Terima kasih atas jasamu selama ini dan kami amat menghargai pimpinan Tun demi negara tercinta ini.

Ameeen YarabulAlamin.



24. [Log in to Reply Karl @ www.karl-iskandar.ml](#) Jul 11, 2016 9:02 AM

Aslm.

Sembang topik rasuah ni, seorang sahabat kata, YTL kroni Dr Mahathir, dapat banyak projek mega dan bila dia tak cukup duit untuk bisnes, Tabung Haji dikilas tangan untuk bail out.



25. [Log in to Reply sibotak](#) Jul 11, 2016 5:06 AM

Perbezaan Langgit dan Bumi

Kaca dan Permata

Antara Jeep dan Tun Mahathir

Jeep di hina , dikata belakang , di hormat hanya di depan

Kemana beliau pergi beliau tidak di hormati

Apakan lagi beliau bersama si Rosemary

Di kata di caci cuma Jeep tidak sedar hanya Shiok sendiri

Jauh beza akhlak Rosemary dan Siti Hasmah

Ketara kelihatan antara manusia berilmu dan manusia yg kosong

Maka tak perlulah Keluarga atau anak anak Jeep

Bangga akan Kedudukan Jeep  
Amat memalukan Malaysia Memalukan Dunia

Kenapakah akhlak UMNO takut dan tidak tahu menilaikan antara kaca dan permata  
Sudah kelihatan banyak kesalahan Jeep yg juga merupai Jenayah  
Tun Mahthir kedepan dalam usia bersara beliau kerana melihat perkara yg tak kena

Bukan kerana Tun perlu perhatian  
Benda tak betul ,mestilah di betulkan  
Seperti PakLah  
Paklah Ok dan Baik akhlak , cuma sebagai Pemimpin Negara beliau bukan orangnya  
Mungkin beliau sesuai jadi Imam Masjid , Surau mewakili satu kawasan

Pemipin Negara mesti Bijak  
Tidak Emosi , Cool tapi Pedas  
Tun lah orangnya

Jeep kena sound sikit je , dah emosi  
Muka dah merah , cakap lantang tapi tidak ada suara  
Cakap depan orang ramai pun mengigil depan Obama terus Kelu

Inikah Pemimpin Malaysia yg UMNO hasilkan sekarang ?

26.  [Log in to Reply merlimau9](#) Jul 10, 2016 10:41 PM

Asslam Tun,


Selamat Harijadi yg ke 91..  
Semuga Tun sentiasa diRahmatiNya.

Displin kehidupan yg Tun amalkan telah memberi kelebihan kpd Tun utk terus menyumbang amal bakti kpd bangsa agama dan negara.

Tun berjaya menerapkan nilai nilai murni dengan kepimpinan melalui taulan dan juga bersih cekap amanah kpd diri, bangsa agama dan negara dlm menjalankan tanggungjwp dan hak sebagai rakyat Malaysia dan sewajibnya sebagai hambaNya.

Tun adalah guru terbaik kpd kami rakyat Malaysia.

Terimakasih Tun,

27.  [Log in to Reply amir yusof](#) Jul 10, 2016 9:45 PM

Kepada Tun selamat menyambut ulang tahun yg ke 91 dan selamat hari raya, semoga Tun sekeluarga di berkati Allah.

Pendapat saya, pendedahan SR mengenai !MDB terbahagi kepada dua bahagian;

1) OSA .

2) berita yg dipaparkan samada benar atau rekaan ?

Bukan apa (agaknya) nanti adalah mamat atau minah yg akan kata, kami diarahkan utk menyasat pelanggaran undang-undang berkaitan pendedahan maklumat di bawah OSA saja, kandungan berita yg disebarikan itu betul atau palsu bukanlah skop tugas kami.

Mendedahkan apa-apa juga maklumat dibawah OSA tak kira genuine atau tidak bukan persoalannya, ia tetap melanggar undang-undang.

Kalau tak silap (jika benarlah?) ada seorang pegawai kanan polis (dah lupa namanya) pernah menegaskan yg pehaknya tidak akan memlakukan siasatan tanpa laporan polis di buat terlebih dahulu.

Tiada sisatan (kemungkinan yg bersalah) tiada pendakwaan.

28.  [Log in to Reply zulu](#) Jul 10, 2016 9:29 PM

Everyone celebrated Hari raya happily but I doubt Najis celebrated happily, since the so called official secret documents (nothing but papers which documents the technique on how to steal people money) leaked to "Sarawak Report". Those slaves who got sidekicks also might have had bad raya this time.

29.  [Log in to Reply sibotak](#) Jul 10, 2016 8:04 PM

Oh.....Birthday Boy today !

Selamat Hari Lahir Tun Mahathir

Wira ku ,semoga jasa jasa mu dalam kenangan selalu

Dan amalanmu berhidmat kepada Malaysia

Semoga Allah Merahmati dan menerima bagi bekalan tapauweh di akhirat

Bagaimana Tun dapat cicah 91 tahun

Hebat Alhamdulillah

Saya baru 53 dah rasa tercuggap cuggap

Hai bila lah aku nak jadi kaya macam abang Jeep

Takdake janda janda kaya yg nak kasi aku harta , duit ke ?

Tak dapat Bil.....Mil pun jadilah

Abang Jeep ada lobang tolaklah

30.  [Log in to Reply frankieabdullah](#) Jul 10, 2016 8:01 PM

Happy birthday Tun !



31. [Log in to Reply](#) **faridina** [Jul 10,2016 6:14 PM](#)

Assalamualaikum Ayahanda Tun,

Termasuk ini sudah 2 kali lebaran apabila sahaja berkumpul topik hangat yang pasti menjadi modal perbualan atau pembuka bicara adalah perihal penyamun tarbus no. 1 negara, nenek Semah dan pemakan2 dedak yang hidup atas sesondolan dedak.

Agaknya apabila pendedak2 ni berkumpul mesti masing2 tersenyum keldai bercerita perihal bagaimana mereka terpaksa mengada2kan cerita bagi memburukkan imej Tun M demi sesuap dedak.

Di bawah minda sedar mereka asyik bertukar pendapat bagaimana cara melipat ganda penghasilan dedak dengan lawak2 bodoh sampai ketawa berdekah-dekah sambil tersedak-sedak dek terlampau banyak makan dedak di hari yang mulia ini.

Sememangnya Aidilfitri kali kedua ini memang tidak seindah tahun2 80an, 90an dan awal abad ke 21 kerana mana tidaknya hari2 biasa cerita Najis, hari Raya cerita Najis dan lepas raya nanti sambung lagi cerita Najis.

Mungkin cerita paling hot Aidilfitri kali ini ialah bagaimana rakyat dijemput hadir ke majlis rumah terbuka Pee M paling disayangi pendedak, untuk diraba dan diimbas mesin kerana rasa takut yang melampau Najis terhadap rakyatnya sendiri.

Takutlah pada Allah s.w.t. kerana pembalasan dariNYA adalah lebih dahsyat dan tiada tolok bandingnya wahai pendedak2 dan tuannya.

Rakyat hanya mampu berdoa dan merayu agar rintihan kami didengari dan semoga Syawal tahun hadapan adalah benar2 hari kemenangan buat kami rakyat Malaysia.

Amin Ya Rab.

Wasalam Tun.



32. [Log in to Reply](#) **HouseWife** [Jul 10,2016 6:01 PM](#)

Assalamualaikum Tun,

Tun dah mencapai 91 tahun! Alhamdulillah, Allah memberi Tun umur yang panjang pasti bersebab, hanya Allah yang berkuasa Mengetahuinya.

“SELAMAT HARI JADI TUN YANG KE 91 TAHUN. MOGA ALLAH LINDUNGI DAN KASIHANI TUN SENTIASA”

Kita ni pula boleh capai umur sampai ke berapa? Yang ketawa berderai bagaimana agaknya umur mereka? Ketawalah kamu sebelum kamu diketawakan. Masa suara tersekat2 mengucap kalimah

syahadah masa itu juga mata terbeliak mencari2 Tun mohon ampun dan maaf...di mana Tun waktu itu...?

Ada sorang tu sungguh gumbira di hari raya menjamu selera juadah sedap2 yang terhidang sambil ketawa berderai beramai-ramai memperli-perli atas penulisan seorang Negarawan yang jujur lagi ikhlas menyampaikan kebenaran. Tun menyampaikan berita mengenai perkara yang sangat sebatian dengan jiwa dan raga mereka sehingga tak dapat dipisahkan di sanubari mereka yang ketawa berderai ini. Berita perkara yang merosakkan jiwa dan roh inilah yang menjadi makanan sedap harian mereka yang ketawa berderai ini. Apakah perkara itu? Dalam setiap meals mereka yang ketawa berderai ini mesti ditaruh perencah ini kalau tak tak sedaplah...apa itu?...a pinch of dedak, a pinch is equivalent to maybe a million ringgit? Kenyanglah, jangan kedekut suap family dan kawan2 sama nu.

Mudah-mudahan di hari raya akan datang Allah SWT masih izinkan mulut2 yang ketawa berderai ini boleh bersuara memperli-perli lagi, boleh lagi nganga luas2 sumbat juadah raya wia pinch of that delicious perencah dan akhit sekali boleh lagi ketawa berderai tanpa tersangkut2 non-stop...maybe can pecah the Guinness Book of Records.

